



“KE ARAH MANAKAH HIBURAN MASA KINI?”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: الَّذِينَ ءَامَنُوا وَتَطْمَئِنُّ قُلُوبُهُمْ بِذِكْرِ

اللَّهِ أَفَلَا يَذَكِّرُ اللَّهُ تَطْمَئِنُّ الْقُلُوبُ ﴿٢٨﴾

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، اتَّقُوا اللَّهَ. قَالَ اللَّهُ

تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ

إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.



Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Islam merupakan agama yang cukup sempurna merangkumi segenap aspek kehidupan manusia. Ini bertepatan dengan firman Allah Subhanahu Wata'ala di dalam surah Al-Maidah ayat ke 3;

أَلْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتَمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيتُ لَكُمْ الْإِسْلَامَ دِينًا

“Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu, dan Aku telah cukupkan nikmat-Ku kepada kamu, dan Aku telah redhakan Islam itu menjadi agama untuk kamu”.

Bagi menjamin kesejahteraan hidup ini, Islam telah memberikan pelbagai garis panduan untuk dilaksanakan oleh setiap individu muslim, termasuklah dalam aspek hiburan. Secara umumnya hiburan mempunyai skop yang amat luas sama ada berbentuk permainan, percakapan, lakonan mahu pun nyanyian. Namun apabila kita melihat fenomena hiburan yang melanda masyarakat hari ini, kita dapati sebahagian masyarakat lebih cenderung kepada hiburan yang berbentuk nyanyian dan juga lakonan.



Berhibur memang tiada salahnya kerana hiburan itu sendiri melambangkan suatu seni yang indah. Ini diakui sendiri oleh Rasulullah s.a.w. sebagaimana disebutkan di dalam sebuah hadith daripada Ibnu Mas'ud r.a.:

إِنَّ اللَّهَ جَمِيلٌ يُحِبُّ الْجَمَالَ

(Riwayat Muslim).

“Sesungguhnya Allah itu Maha Indah dan mencintai keindahan”.

Di dalam sebuah hadith yang lain diriwayatkan bahawa Sayyidatina 'Aisyah r.a. pernah membawa seorang pengantin perempuan ke rumah pengantin lelaki dari kaum Ansar, maka Nabi s.a.w. bertanya:

يَا عَائِشَةُ مَا كَانَ مَعَكُمْ لَهُمْ فَإِنَّ الْأَنْصَارَ يُعْجِبُهُمُ اللَّهُ

(Riwayat Bukhari dan Ahmad)

“Wahai Aisyah, tidak adakah hiburan pada mereka sebab orang-orang Ansar itu menyukai hiburan?”

Hadith ini menunjukkan bahawa secara umumnya, hiburan itu adalah sesuatu yang diharuskan Islam. Namun Islam telah menetapkan bahawa ia mestilah dilakukan secara sederhana dan tidak keterlaluan sehingga melalaikan manusia daripada mengingati Allah Subhanahu Wata'ala. Prof. Dr. Yusuf Al-



Qardhawi telah memberikan beberapa garis panduan yang harus dipelihara ketika berhibur terutamanya hiburan yang berbentuk nyanyian, antaranya:-

1. Tema atau isi kandungan lagu itu mestilah sesuai dengan adab dan ajaran Islam.
2. Tidak boleh mengalunkan suaranya dengan tujuan membangkitkan rangsangan berahi.
3. Tidak ada percampuran bebas antara lelaki dan wanita dan sebagainya.

Sekiranya garis panduan tersebut tidak dipatuhi, maka hukum harus pada nyanyian tersebut boleh berubah menjadi syubhat atau pun haram.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Aktiviti-aktiviti hiburan yang dijalankan pada masa kini kebanyakannya tidak memenuhi syarat-syarat yang telah disebutkan. Bahkan kita dapati kebanyakannya dipenuhi dengan unsur-unsur yang melalaikan seperti terlalu memuja kecantikan manusia, senikata yang berunsur percintaan yang mengasyikkan, lawak jenaka yang berlebih-lebihan, mendedahkan aurat, gaya tarian yang menggiurkan dan lain-lain lagi. Kajian-kajian yang dijalankan menunjukkan bahawa hiburan-hiburan sebegini begitu mudah mempengaruhi jiwa anak-anak remaja kita.

Berdasarkan kajian-kajian tersebut, bolehlah dikatakan bahawa masyarakat di tanahair kita, terutamanya golongan remaja amat meminati hiburan seperti ini di samping hiburan lain yang diimport dari luar. Kita telah sedia maklum bahawa kesemua jenis muzik yang disebutkan itu merupakan sumber penyebaran budaya negatif di kalangan masyarakat kita. Pembawaan muzik ini amat pantas mempengaruhi identiti dan penampilan anak-anak muda



kita. Di antara contoh yang sering kita lihat adalah cara mereka berpakaian yang sering berubah mengikut trend yang dibawa oleh artis-artis yang mereka minati. Ada yang mewarnakan rambut, ada juga kaum lelaki yang bertindik, memakai anting-anting, ada yang memakai seluar londeh, baju T singkat sehingga menampakkan pusat dan lain-lain lagi. Kesemua ini dilakukan semata-mata kerana ingin meniru gaya yang dibawakan oleh artis-artis kesayangan mereka.

Seringkali kita lihat di dalam konsert-konsert ini, para penonton terutamanya anak-anak muda akan terjerit-jerit apabila seorang artis menyanyikan lagu-lagu kegemaran mereka. Mereka melonjak-lonjak dan menari sesama mereka dalam keadaan yang sukar dikawal. Selain daripada itu, penampilan buruk sebahagian para artis ini juga sering dijadikan ikutan mereka. Keadaan ini menunjukkan betapa identiti mereka sebagai umat Islam sangat tercemar. Pergaulan di kalangan anak-anak muda yang tidak terkawal ini sebenarnya merupakan antara punca berlakunya masalah-masalah sosial lain yang lebih serius. Antaranya;

1. Masalah lari dari rumah.
2. Masalah zina dan bersekedudukan di kalangan remaja.
3. Masalah anak luar nikah.
4. Pembuangan bayi dan lain-lain lagi.

Tidak ketinggalan juga, fenomena ini terdapat di kalangan orang-orang dewasa dan lanjut usia. Ada di kalangan mereka terlibat dengan hiburan yang melalaikan seperti dangdut dan karaoke.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah sekalian,


Dalam suasana lalai sebegini, bagaimanakah mereka mampu menunaikan tuntutan solat yang diwajibkan ke atas diri mereka apabila tiba waktunya?.



Amatlah malang bagi mereka yang melalui situasi sebegini. Mereka hanya inginkan keseronokan hidup tanpa memikirkan dosa atau pun pahala. Walhal, sebagai seorang muslim, kita seharusnya sentiasa menyedari hakikat bahawa Allah menciptakan manusia bukan untuk berseronok-seronok tetapi yang lebih utama adalah untuk mengabdikan diri kepada-Nya. Firman Allah Subhanahu

Wata'ala di dalam surah Al-Mukminun ayat ke 115;

أَفَحَسِبْتُمْ أَنَّمَا خَلَقْنَاكُمْ عَبَثًا وَأَنَّكُمْ إِلَيْنَا لَا تُرْجَعُونَ



"Maka adakah patut kamu menyangka bahawa Kami hanya menciptakan kamu (dari tiada kepada ada) sahaja dengan tiada sebarang hikmat pada ciptaan itu? dan kamu (menyangka pula) tidak akan dikembalikan kepada Kami?"

Kaum muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Sebenarnya, dalam Islam, hiburan seharusnya dapat memberikan kerehatan kepada manusia setelah penat bekerja seharian. Hiburan juga seharusnya dapat menghilangkan kerisauan dan kedukaan yang dialami oleh manusia. Seterusnya dapat memberikan ketenangan dan keselesaan kepada mereka untuk melaksanakan ibadah kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Selain daripada itu, hiburan juga seharusnya dijadikan sebagai salah satu wasilah untuk mendidik generasi muda ke arah kebaikan.

Namun realitinya sekarang ini, kebanyakan hiburan yang dipertontonkan sudah menyimpang jauh dari tujuannya yang asal. Ianya lebih bersifat komersial dan mencari keuntungan semata-mata tanpa memikirkan baik buruknya. Oleh



itu, hiburan-hiburan yang menyimpang ini mestilah dikawal daripada terus merosakkan akhlak masyarakat kita terutamanya muda mudi. Manakala rancangan-rancangan yang lebih bermanfaat di media elektronik hendaklah diperbanyakkan seperti rancangan berbentuk ilmiah dan maklumat semasa, yang seharusnya lebih ditonjolkan sebagai alternatif yang baik kepada masyarakat kita. Mudah-mudahan dengan cara ini akan dapat mendidik dan membentuk masyarakat terutamanya generasi muda menjadi insan berguna kepada agama, bangsa dan negara.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَمِنَ النَّاسِ مَن يَشْتَرِي لَهْوَ الْحَدِيثِ لِيُضِلَّ عَن سَبِيلِ اللَّهِ
بِغَيْرِ عِلْمٍ وَيَتَّخِذَهَا هُزُوًا ۚ أُولَٰئِكَ لَهُمْ عَذَابٌ مُّهِينٌ ﴿٦﴾

(Luqman : 6)

“Dan di antara manusia ada yang mempergunakan perkataan yang tidak berguna untuk menyesatkan manusia dari jalan Allah tanpa pengetahuan dan menjadikan jalan Allah itu olok-olokan. Mereka itu akan memperoleh azab yang menghinakan”.

بَارِكْ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعْنِيْ وَإِيَّاكُمْ



بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي

وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ

الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ،

فَاسْتَغْفِرُوهُ يَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.



Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، لَا شَرِيكَ
لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ، وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى
آلِهِ وَصَحْبِهِ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ



أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ
الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ
الدَّعَوَاتِ يَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ
إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ
الْعُظْمَى أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ
الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلْطَانَ سَلَاحُورِ، سُلْطَانَ
شَرَفُ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ
صَلَاحُ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.

اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهُدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ



مِنْكَ، لَوْلِيَّ عَهْدٍ سَلَاغُور، تَعَكُو أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ
شَرَفُ الدِّينِ ادریس شاه الحاج فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ
بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطْلُ
عُمَرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ
مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرِّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkebakikan.

Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, tingkatkanlah amal kami, kukuhkanlah perpaduan kami, murahkanlah rezeki kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah generasi muda kami ke jalan yang Engkau redhai, lindungilah kami daripada ujian-Mu yang berat seperti banjir besar, kemarau panjang, wabak penyakit, persengketaan, kemiskinan dan lain-lain, supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.



رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا
لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ
حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي
الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعْظُمُ لِعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ
يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ، يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ
وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

**
Matzan/hhas